

# MAKNA DIBALIK EKSPRESI WAJAH

Shook

**A**HMAD SHUKRI ELIAS, ATAU LEBIH DIKENALI DENGAN PANGGILAN SHOOK, DILAHIRKAN PADA TANGGAL 11 APRIL, 1960 DI ALOR STAR, KEDAH. SHOOK MULA BERKECIMPUNG DALAM INDUSTRI SENI SEAWAL TAHUN 1980 SEBAGAI PENCANTING BATIK DI PULAU PINANG DAN PERNAH BERKHIDMAT DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA PADA TAHUN 1981 SEBAGAI PEREKA GRAFIK. MENYEDARI MINAT YANG MENDALAM TERHADAP BIDANG SENI LUKIS DAN SENI REKA, BELIAU TIDAK RAGU-RAGU UNTUK MENYAMBUNG PENGAJIAN IJAZAHNYA DALAM BIDANG SENI HALUS DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM). SELEPAS TAMAT PENGAJIAN PADA TAHUN 1986, SHOOK MEMULAKAN KARIER SEBAGAI PEREKA SET DI ACTION INC., KUALA LUMPUR.

Shook sangat dikenali sebagai individu yang berkebolehan melakukan pelbagai tugas seni kreatif, selain kebolehan mengajar dalam bidang tersebut. Antara pengalamannya termasuklah mengajar di Children's Art Classes, Kuala Lumpur, pensyarah Ilustrasi Fesyen di UiTM Shah Alam, pensyarah Ilustrasi di College of Visual Arts, Subang Jaya dan pensyarah Konsep Rekaan di Lim Kok Wing University of Creative Technology. Kini, Shook menuruti minatnya untuk komited sebagai pelukis sepenuh masa, di samping menguruskan Galeri ASE kepunyaan beliau yang terletak di Bandar Baru, Puncak Alam.

Shook dikenali sebagai seorang pelukis kontemporari di bawah kategori pelukis ekspresionis visual. Apakah yang dimaksudkan




dengan ekspresionis? Ekspresionis ini dirujuk sebagai satu aliran atau pergerakan seni yang bermula di Jerman dan berkembang pada awal abad 20-an. Ahmad Rashidi Hasan dalam bukunya *A Brief History of Art* menerangkan bahawa pada ketika itu Jerman dikawal secara politik oleh pihak militan yang menyekat kebebasan mereka. Hal ini mendorong kepada tekanan emosi dan perasaan rakyat negara tersebut secara berterusan. Oleh hal yang demikian, para pelukis yang turut terkesan dengan situasi ini meluahkan segala rasa ke pahitan, kemurungan, kekecewaan, kemarahan dan memberontak di atas kanvas.

Secara amnya, ekspresionis lebih cenderung untuk meluahkan tekanan emosi yang sebenar berbanding pemikiran rasional. Jika diperhatikan, penggunaan elemen warna bagi gaya seni ini agak berbeza dengan kehidupan sebenar. Pemilihan warna yang dianggap “unik” dan sukar dijangka itu terhasil selari dengan imaginasi, luahan emosi dan perasaan pelukis. Ekspresionis juga mewujudkan elemen rupa dan bentuk dalam penghasilan karya mereka walaupun secara tidak jelas. Antara pelukis yang mempelopori seni ekspresionisme ini termasuklah Edvard Munch dengan karya agungnya yang bertajuk *The Scream* dan Wassily Kandisky dengan karyanya *Improvisation 28*.

Shook kerap memperagakan hasil karyanya di dalam dan luar negara. Antara pameran beliau termasuklah “A. Shukri Elias ‘A Solo Curated by Tengku Sabri Ibrahim” di Balai Seni Negara; Kuala Lumpur (2017), diikuti dengan Urgup International Art Exhibition di

Cappadocia; Turkey (2016), T13A di Balai Seni Negara (2015), Simbiose di ASE Gallery, Puncak Alam, Selangor (2014), READrawing at Galeri Petronas, Kuala Lumpur (2014), Pameran Solo-Daerah Makna di ASE Gallery (2014) dan 6th Byala Open Air Art Exhibition di Byala, Bulgaria (2014).

Sepanjang penglibatan beliau sebagai pelukis dalam dunia seni ini, Shook menerima pelbagai anugerah dan pencapaian, termasuklah mewakili Malaysia dalam program seni “Art for All”



*Jauh*, cat minyak atas kanvas, 96 cm x 94 cm, 2003.

2006 (Special Needs Art Camp), Nakhon Nayok dan Thailand Phillip Morris ASEAN Art Award di Bangkok, Thailand (2004). Seterusnya, Juror’s Choice di Phillip Morris ASEAN Art Award di Balai Seni Negara (2003), The Catherine De Medici Painting Award di Florence, Itali (2002), Jakarta Art Festival 2001 di Indonesia dan Honourable Mention; Phillip Morris ASEAN Art Award di Balai Seni Negara.

Kebanyakan catan yang diperagakan mengangkat imej ekspresi wajah yang

mencerminkan emosi dan perasaan yang diinspirasi daripada persekitaran, alam semula jadi dan kehidupan. Idea tersebut diolah menggunakan sapuan berus tebal, bertekstur, bersahaja dan ekspresif dengan kesan percikan. Pemilihan medium yang betul amat penting untuk memberikan kebebasan kepada pelukis mendapatkan kesan ekspresif dan bersahaja itu. Bagi Shook, beliau serasi menggunakan cat minyak yang dianggap “versatil”.

Cat minyak juga merupakan medium tertua dalam dunia seni yang berasaskan bahan organik dan mampu memberikan kesan klasik terhadap sesebuah hasil karya. Selain itu, cat akrilik juga turut menjadi pilihan pelukis ini sekiranya menerima tempahan karya dalam kuantiti yang banyak serta masa yang terhad. Hal ini kerana cat akrilik terkenal dengan karakternya yang mudah kering berbanding cat minyak.

Seperti yang diketahui umum, warna merupakan elemen terpenting dalam sesebuah karya ekspresionisme kerana secara psikologinya warna juga mampu merangsang pemikiran, emosi dan perasaan seseorang. Oleh sebab itu, kekerapan warna yang digunakan Shook ialah warna kontras, misalnya merah di atas hitam, putih di atas hitam, kuning di atas hitam ataupun sebaliknya. Gabungan warna kontras hitam dan putih mampu mewujudkan sebuah ilusi tentang luahan dan tekanan. Manakala, warna hitam itu sendiri bersifat mistik atau spiritual dan dapat dikaitkan dengan perasaan tertentu, seperti kesedihan,



**Sayu**, cat minyak atas kanvas, 96 cm x 94 cm, 2006.



**Klinik**, akrilik atas kanvas, 94 cm x 96 cm, 2013.



ketakutan dan penderitaan.

“Warna pertama yang saya lontarkan itu merupakan titik permulaan bagi lukisan saya, di mana warna tersebut berkomunikasi untuk meneroka dan mengembangkan apa-apa yang ada dalam fikiran saya,” ujar Shook.

Dari segi penggunaan subjek pula, tiada subjek yang jelas atau realistik yang dapat dikenal pasti dalam karya Shook, sesuai dengan pembawaan gaya ekspresionisme itu sendiri. Shook sering kali mengaitkan pengalaman hidup dan alam sekeliling sebagai inspirasi dan idea yang diolah dengan imej ekspresi wajah, walaupun tidak jelas, namun subjek tersebut dapat dikaitkan dengan elemen wajah, seperti mata, kening, hidung, mulut, telinga dan janggut.

“Sekiranya anda perhatikan karya saya yang bertajuk *Sayu* itu, terdapat satu subjek mata di tengah dan sedang memerhatikan anda. Saya sengaja melukis mata itu dengan agak jelas supaya khalayak dapat merasai aura tentang

**Kebanyakan catan yang diperagakan mengangkat imej ekspresi wajah yang mencerminkan emosi dan perasaan yang diinspirasi daripada persekitaran, alam semula jadi dan kehidupan. Idea tersebut diolah menggunakan sapuan berus tebal, bertekstur, bersahaja dan ekspresif dengan kesan percikan.**

luahan emosi tertentu. Mata itu sebenarnya ialah mata seekor monyet kecil yang saya nampak ketika berkunjung ke Taman Ular Perlis,” jelas Shook.

Shook mengolah elemen wajah monyet tersebut secara samar-samar dan mewujudkan unsur penegasan pada objek mata yang dilukis pada bahagian tengah kanvas. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelukis ini amat peka dan sensitif terhadap persekitarannya serta jujur dalam berkarya.


Tambah Shook, “Ketika saya melawat ke Taman Ular itu, saya ternampak seekor monyet berbulu

hitam berkilat berketinggian kira-kira satu kaki setengah dan duduk di sudut dalam sebuah sangkar. Raut wajah monyet itu kelihatan sedih. Saya dapat berasakan kesedihan tersebut dan seolah-olah monyet itu ingin berkata “mengapakah aku dikurung dan disekat kebebasan aku yang sepatutnya hidup bebas di dalam hutan?”


Pengalaman itu amat terkesan di hatinya dan sukar untuk dilupakan sehingga menjadi mainan emosi yang diluahkan di atas kanvas. Sebuah luahan rasa kasih sayang dan nilai



**Artwork in Progress**, cat minyak atas kanvas, 99 cm x 94 cm, 2017.



**Potret Diri, Sakit Dada**, cat minyak atas kanvas, 46 cm x 36 cm, 2002.



**Potret Kuning**, cat minyak atas kanvas, 99 cm x 94 cm, 2002.

kemanusiaan yang bukan sahaja terhadap manusia, malah terhadap semua ciptaan Tuhan, termasuklah haiwan. Walau bagaimanapun, karya yang mempunyai makna secara terus berdasarkan cerita atau situasi seperti *Sayu* ini sangat jarang dihasilkan. Beliau lebih cenderung untuk mengabstrakkan setiap luahan emosi dan perasaannya dengan elemen visual ekspresionisme, lalu membiarkan khalayak meletakkan makna tersendiri berdasarkan penghayatan mereka.

Setiap pelukis memerlukan tema dalam penghasilan karya mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana tema merupakan inti pati bagi membolehkan khalayak memahami makna atau idea secara keseluruhannya yang diketengahkan oleh pelukis. Shook lebih menumpukan tema karyanya yang berkisarkan “jiwa Melayu di Malaysia” dengan menggayakan subjek utama dalam karya berdasarkan “cita rasa kehidupan orang Melayu di Malaysia”. Luahan

emosi dan perasaan tersebut ialah kegembiraan, kesedihan, kemarahan, kekecewaan, tekanan dan kerinduan yang “bergerak” dan “dipindahkan” dalam bentuk seni catan sebagai medium ekspresi.

“Karya saya seakan-akan muzik instrumental yang tidak ber lirik dan tidak ada jalan cerita untuk dibaca atau difahamkan. Karya itu perlu dihayati dengan deria lihat yang mengaktifkan deria fikir, sekali gus merangsang emosi dan perasaan. Tindak balas emosi dan perasaan itulah penemuan makna sebenar karya saya,” ujar Shook.

Kenyataan Shook itu mengesahkan bahawa tiada luahan atau makna terperinci tentang hasil karyanya. Idea ini dapat dikaitkan dengan teori emosi James-Lange yang mencadangkan bahawa emosi terhasil apabila seseorang melihat sesuatu keadaan, berlaku perubahan asas fizikal dalam badan dan membentuk pengalaman emosi. Bagi pengalaman emosi tertentu yang berunsur tragedi,

seperti rasa kasihan, takut, sedih, mengakibatkan berlakunya “katarsis”. Istilah “katarsis” membawa maksud keinsafan, kelegaan emosi dan berlakunya kebersihan rohani melalui penghayatan kerja seni. Secara tidak langsung, Shook mengadaptasikan dan mempraktikkan teori seperti ini untuk peminat seninya dalam mencipta emosi estetik, makna dan mesej tersendiri.

Seperti pelukis ekspresionis tanah air yang lain, antaranya termasuklah Awang Damit Ahmad, Latiff Mohidin dan Yusof Ghani, pendekatan gaya seni ini menjadi wadah memanifestasikan segala luahan emosi dan perasaan yang terpendam, serta bermain di fikiran pelukis dengan menjelmakan subjek ekspresi wajah untuk membangkitkan emosi dan persepsi pemerhati secara peribadi. Kesemua idea dan falsafah pelukis ini sangat bermanfaat untuk dijadikan sumber rujukan para peminat dan penggiat seni ekspresionisme pada era kontemporari ini. <sup>DB</sup>